

Sampai bila isu ini akan terbiar?

Kolam takungan banjir Sungai Midah perlu dinaiktaraf untuk dijadikan kawasan rekreasi

■ HIDAYAH HAIROM

KUALA LUMPUR - Kolam takungan banjir Sungai Midah, Cheras, berhampiran Kampung Malaysia Raya di sini, terus gagal mendapat perhatian pihak bertanggungjawab apabila masalah penyelenggaraan kawasan itu tetap berulang.

Sebelum ini, masalah itu pernah diketengahkan menerusi laporan yang disiarkan dan pembersihan dilakukan selepas itu, namun dibiarkan tidak lama kemudian.

Pengerusi Majlis Perwakilan Penduduk Wilayah Persekutuan, Sub Zon 9, Parlimen Bandar Tun Razak, Mohd Zainudin Amran, berkata, kawasan itu sepatutnya dinaiktaraf sebagai kawasan rekreasi dan penyelenggaraan perlu dibuat secara berterusan.

“Imej kawasan ini sepatutnya ditingkatkan, apatah lagi ia terletak bersebelahan dengan Terminal Bersepadu Selatan (TBS) yang dibina dengan nilai RM500 juta.” - Mohd Zainudin

Namun menurutnya, apa yang berlaku adalah sebaliknya apabila permukaan kolam kini hanya dipenuhi tumbuhan dan kawasan sekitar dipenuhi semak samun.

“Imej kawasan ini sepatutnya ditingkatkan, apatah lagi ia terletak bersebelahan dengan Terminal Bersepadu Selatan (TBS) yang dibina dengan nilai RM500 juta.

“Keadaan ini juga memberi ancaman kepada kira-kira 10,000 penduduk sekitar kawasan kerana menjadi sarang pembiakan nyamuk dan boleh jadi juga ular,” katanya kepada *Sinar Harian*.

Mohd Zainudin berkata,

antara kawasan perumahan berhampiran adalah Projek Perumahan Rakyat (PPR) Seri Malaysia, Pangsapuri Seri Malaysia, Kampung Malaysia Tambahan dan Kampung Malaysia Raya.

Jelasnya, jika kawasan itu dinaiktarafkan termasuk pembinaan trek jogging dan diselenggarakan dengan baik, sudah tentu ia dapat memberi manfaat kepada penduduk seterusnya meningkatkan nilai pasaran kediaman di sini.

“Saya harap perkara ini dapat diberi perhatian sewajarnya dan saya akan panjangkan surat kepada agensi berkaitan untuk tindakan lanjut,” katanya.



Zainudin menunjukkan keadaan kolam takungan terletak berhampiran TBS yang diliputi tumbuhan kerana tidak diselenggara.